

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: 12 Januari 2016 12:10
To: UUM - All Staff
Subject: 69 PELAJAR CEMERLANG ASASI PENGURUSAN UUM JALIN KERJASAMA DENGAN PELAJAR ASASipintar UKM



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

12 Januari 2016 / 2 RabiulAkhir 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



PAP ONLINE : Seramai 69 orang pelajar cemerlang Program Asasi Pengurusan yang mendapat PMK 3.50 hingga 3.93 pada Semester Pertama Sesi 2015/2016 telah berpeluang menyertai Program Inter-Asasi UUM-Asasipintar UKM bersama-sama pelajar-pelajar Asasipintar UKM, pada 7-9 Januari 2016 di UKM Bangi.

Penganjuran program berimpak tinggi kali kedua oleh Pusat Asasi Pengurusan ini telah mendapat sokongan dan sambutan yang sangat memberangsangkan daripada pihak Pusat PERMATApintar UKM kerana program integrasi tersebut merupakan program julung kali diadakan dengan pusat asasi daripada universiti awam.

Program dua hari tersebut merupakan inisiatif Pusat Asasi Pengurusan UUM yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan UUM dan mendapat kerjasama padu daripada MPPTK Asasipintar UKM. Seramai 64 orang pelajar ASASIpintar UKM telah dipilih menyertai program yang bertujuan membina jaringan hubungan dan integrasi antara pelajar asasi kedua-dua universiti, di samping bertukar-tukar pengalaman dan maklumat tentang pengajian di kedua-dua pusat asasi.

Majlis perasmian dan penutup program telah disempurnakan oleh Dr. Azizah Mohd Zahidi, Ketua Unit, Program ASASIpintar UKM mewakili Pengarah Pusat ASASIpintar UKM, manakala di pihak Pusat Asasi Pengurusan pula, Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin, Timbalan Pengarah (Akademik) hadir mewakili Pengarah Pusat Asasi Pengurusan. Program ini dilihat sebagai asas permulaan kepada pelajar Asasi Pengurusan UUM dan UKM bagi merintis budaya keilmuan dan perkongsian ilmu dalam kalangan pelajar melalui pelaksanaan program berimpak tinggi.

Pengisian program seperti aktiviti *Fun Walk, Netball and Futsal Friendly Match, Thinkers Project* serta Majlis Makan Malam Berdulang telah memberi nilai tambah kepada para pelajar dalam aspek pengurusan program, kemahiran membuat keputusan, kerja berkumpulan serta kemahiran berfikir kritis dalam menyelesaikan masalah. Pada Majlis Makan Malam Berdulang, para pelajar juga berpeluang menunjukkan bakat dengan membuat persembahan seperti Tarian Zapin, Persembahan Silat, nyanyian dan sebagainya.

Sesi “Sembang Santai” telah memberi peluang kepada pelajar Asasi UUM dan UKM untuk bertukar-tukar pandangan dalam segala aspek meliputi projek penyelidikan akademik, program mobiliti pelajar ke luar negara, aktiviti pembinaan jati diri dan kepimpinan yang melibatkan masyarakat luar dan lain-lain. Slot tersebut dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi yang lebih efektif kepada para pelajar kerana pengendaliannya adalah menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di samping meningkatkan keyakinan diri dalam menyuarakan pendapat.

Selain itu, Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan UUM serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Program ASASIpintar UKM turut bertukar-tukar pandangan tentang kolaborasi yang boleh diadakan pada masa akan datang di antara kedua-dua pihak.

Program tersebut berakhir dengan lawatan pelajar Asasi Pengurusan UUM ke Pusat ASASIpintar, Pusat PERMATApintar Negara, Kolej PERMATApintar serta melihat fasiliti yang disediakan khas kepada para pelajar pintar seperti auditorium, kolam renang, kompleks sukan serta ruang pembelajaran yang moden.

Program Inter-Asasi UUM-ASASIpintar UKM 2016 turut dihadiri oleh Penyelaras Program, Puan Faizah Hashim, Penolong Pengarah Kanan, Pusat Asasi Pengurusan serta beberapa orang staf Pusat Asasi Pengurusan. Sekalung tahniah diucapkan kepada Pengarah Projek, Muhammad Adil Muzaffar Mohd Fisol serta AJK Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan di atas komitmen yang ditunjukkan bagi menjayakan program tersebut.

SEKIAN.

=====

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan